

Headline	Bekas pengurus kanan TH didakwa		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Aug 2020	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	12	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>
Journalist	SUWARNI MOKHTAR	AdValue	RM 11,042
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,127



# Bekas pengurus kanan TH didakwa

Oleh SUWARNI MOKHTAR  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Bekas Pengurus Kanan Teknikal di Lembaga Tabung Haji mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah melebihi RM170,000 pada 2015 dan 2018.

Zaharudin Hamid, 47, yang bertugas di Seksyen Pembangunan Hartanah didakwa menerima tiga keping cek berjumlah RM170,477 daripada seorang pengarah sebuah syarikat juruperunding pembinaan, Yusaidi Mohd. antara 5

Oktoper 2015 dan 24 Mei 2018 di Maybank Desa Pandan di sini.

Cek yang didepositkan ke dalam akaun kakaknya adalah sebagai upah mencadangkan syarikat Consoline Sdn. Bhd. dan Syarikat MNB Engineering Sdn. Bhd. bagi kerja-kerja ubah suai pejabat TH Ipoh (IFIC), Perak dan tiga di Johor iaitu TH Muar, TH Batu Pahat serta TH Kluang.

Pertuduhan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang

“

**Hakim Rozina Ayob menetapkan ikat jamin sebanyak RM50,000 dan memerintah Zaharudin menyerahkan pasportnya.**

memperuntukkan hukuman penjarai maksimum 20 tahun

dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Abdul Rashid Sulaiman manakala tertuduh diwakili peguam bela, M. Athimulan.

Pendakwaan mencadangkan jaminan sebanyak RM100,000 dengan seorang penjamin bersama syarat tambahan iaitu tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan perlu melapor diri ke ibu Pejabat

SPRM sebulan sekali.

Athimulan bagaimanapun memohon agar jumlah tersebut dikurangkan memandangkan anak guamnya mengalami kemurungan dan tidak lagi bekerja.

Hakim Rozina Ayob menetapkan ikat jamin sebanyak RM50,000 dan turut memerintah Zaharudin menyerahkan pasportnya untuk disimpan oleh mahkamah dan lapor diri setiap bulan di ibu Pejabat SPRM Kuala Lumpur sebulan sekali sehingga kes selesai.

Mahkamah kemudian menetapkan 22 September ini untuk sebutan semula kes.